

Oleh Shaiful Shahrin
Ahmad Pauzi
am@hmetro.com.my
Bagan Serai

Padang bola di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Alor Pongsu seperti lautan apabila banjir yang melanda turut menenggelamkan padang sekolah berkenaan sejak tiga hari lalu.

Selain itu, jalan utama di Kilometer 15, yang menghubungkan Alor Pongsu dan Selama terputus hubungan sehingga terpaksa ditutup kepada kenderaan ringan seperti motosikal dan kereta.

Pegawai Daerah Kerian Datuk Hamzah Hussin berkata, seramai 37 mangsa lagi daripada tujuh keluarga di Kampung Matang Tengah, terpaksa dipindahkan ke Pusat Pemindahan Mangsa Banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Changkat Lobak kelmarin, dan menjadikan jumlah keseluruhan mangsa banjir di dua pusat pemindahan termasuk SK Bukit Merah berjumlah 160 orang.

Menurutnya, keadaan air semasa yang menenggelami rumah penduduk berkenaan tidak ada perubahan sebaliknya menjadi semakin membimbangkan.

“Pusat Pemindahan Mangsa Banjir di SK Changkat Lobak sudah masuk hari ke-14 dibuka di mana seramai 100 mangsa dari dua kampung iaitu Kampung Matang Tengah dan Kampung Parit Air Hitam terpaksa dipindahkan di situ berikutan paras air tidak menunjukkan sebarang perubahan sebaliknya menjadi lebih buruk.

“Di kawasan Bukit Merah pula, seramai 60 mangsa dari tiga buah kampung iaitu

Padang bola macam laut

■ Air bah tidak menunjukkan sebarang perubahan sebaliknya jadi lebih buruk

FAKTA
Jumlah keseluruhan mangsa banjir di dua pusat pemindahan berjumlah 160 orang

PADANG SMK Alor Pongsu yang ditenggelami air.

Kampung Batu 38, Kampung Batu 40 dan Kampung Parit Abu Hassan juga terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan di SK Bukit Merah yang dibuka pada Jumaat lalu,” katanya.

Menyedari keadaan banjir yang semakin membimbangkan, pihak Jabatan Per-

airan dan Saliran (JPS) Kerian berkerja keras menangani masalah yang dihadapi termasuk mempercepatkan pembinaan lima rumah pam kekal di empat lokasi yang sering dilanda banjir.

Sementara itu, Jurutera Daerah JPS Kerian Hasmi Mat berkata, kelima-lima pam

kekal bernilai RM 4.5 juta itu bakal dibina dalam masa terdekat di Kampung Matang Tengah, Kampung Batu 40, Kampung Batu 38, Kampung Parit Simpang Empat dan Kampung Parit Simpang Lima.

“Banjir yang melanda daerah ini selama dua minggu

disebabkan kadar taburan hujan yang tinggi hampir setiap hari dan ditambah dengan keadaan air sungai setempat yang tidak dapat mengalir keluar ke Sungai Kurau dan Sungai Kerian berikutan paras air di dua sungai berkenaan melimpah,” katanya.

Menurut Hasmi lagi, disebabkan hujan lebat yang berlaku setiap hari, pihaknya juga terpaksa melepaskan air di Kolam Bukit Merah melalui pintu air Alor Limpah Selatan dengan kadar 1,000 kaki padu sesaat berikutan bimbang paras air di kolam itu mencecah paras bahaya.

